

**PENGURUSAN BIMBINGAN AKIDAH  
BAGI KANAK-KANAK MUALAF:  
KAJIAN KES DI PERTUBUHAN KEBAJIKAN  
ISLAM MALAYSIA KEBANGSAAN**

**NUR SHAFIQAH BINTI BADLIHISHAM**

**SARJANA SAINS  
(PENGURUSAN SUMBER)**

**UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL  
MALAYSIA**

**2024**

**PENGURUSAN BIMBINGAN AKIDAH  
BAGI KANAK-KANAK MUALAF:  
KAJIAN KES DI PERTUBUHAN KEBAJIKAN  
ISLAM MALAYSIA KEBANGSAAN**

**NUR SHAFIQAH BINTI BADLIHISHAM**

Tesis diserahkan kepada Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, bagi memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan Sumber).

## **ABSTRAK**

Pelbagai ancaman yang memberi kesan terhadap kesejahteraan akidah mualaf di Malaysia. Sebagai contoh di Selangor mencatatkan kes-kes permohonan keluar Islam oleh golongan mualaf yang kembali menganut agama asal mereka kerana pelbagai faktor. Faktor utama mualaf keluar Islam disebabkan kurangnya penghayatan Islam dalam diri mereka. Hal ini menyebabkan mereka gagal menghayati Islam dan cenderung untuk keluar Islam akibat daripada pelbagai permasalahan yang dihadapi sebagai mualaf. Hal ini juga termasuk golongan kanak-kanak mualaf yang memeluk agama Islam bersama ibu bapa dan penjaga mereka. Golongan kanak-kanak mualaf ini seharusnya disemai dengan bimbingan akidah Islamiah yang sistematik namun ibu bapa mereka tidak dapat diharapkan sepenuhnya untuk mendidik mereka kerana turut baru bergelar mualaf. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji tentang konsep pengurusan bimbingan menurut Islam. Kajian juga bertujuan untuk mengkaji tentang konsep bimbingan akidah yang bersesuaian dengan kanak-kanak mualaf menurut pandangan Islam. Matlamat akhir kajian ini adalah untuk menganalisis pandangan informan mengenai pengurusan bimbingan akidah bagi kanak-kanak mualaf di PERKIM Kebangsaan. Kaedah kajian yang digunakan ialah kajian kualitatif dan kajian kes. Metode analisis kandungan secara deskriptif digunakan bagi menganalisis segala dokumen dalam data kajian. Perisian NVivo 12 dan analisis secara tematik pula telah digunakan bagi menganalisis data temu bual dan pemerhatian bagi mendapatkan hasil kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat ruang penambahbaikan dalam aspek modul, pedagogi, medium pengajaran dan pembahagian kelas mengikut

umur kanak-kanak yang perlu dilakukan dengan lebih menyeluruh bagi pengurusan bimbingan akidah bagi kanak-kanak mualaf di PERKIM.

## **ABSTRACT**

There are various threats that affect the well-being of the faith of converts in Malaysia. For example, in Selangor, there were cases of applications to leave Islam by converts who returned to profess their original religion due to various factors. The main factor in converts leaving Islam is their lack of appreciation for Islam in themselves. This causes them to fail to appreciate Islam and tend to leave Islam akidah because of the various problems they face as mualaf. This also includes children who convert to Islam with their parents and guardians. These converted children should be imbued with the guidance of a systematic Islamic faith. However, their parents cannot be fully relied upon to educate them, as they themselves are also newly converted to Islam. Hence, this study aims to examine the concept of guidance management according to Islam. The aim of the study was also to examine the concept of religious guidance that is compatible with the children of converts according to the Islamic view. The final aim of this study was to analyze the views of the informant on the management of faith guidance for convert children in PERKIM Kebangsaan. The study methods used are qualitative studies and case studies. Descriptive content analysis methods are used to analyze all documents in the study data. NVivo 12 software and thematic analysis were used to analyze interview and observation data to obtain results. The study findings indicate that there is room for improvement in the aspects of the module, pedagogy, teaching medium, and class division according to the age of children, which need to be addressed more comprehensively for better management of faith guidance for convert children at PERKIM.

## **PENGHARGAAN**

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, selawat dan salam buat junjungan Rasulullah SAW, keluarga dan sahabat baginda, serta buat seluruh umat Islam. Alhamdulillah segala puji hanya bagi Allah SWT kerana dengan rahmat-Nya telah mengurniakan kepada pengkaji kemudahan, ilham yang baik, kesihatan serta kemampuan untuk menyiapkan kajian ini. Pertamanya, pengkaji ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada kedua-dua orang penyelia yang dihormati Dr. Redwan bin Yasin dan Prof. Sayuti bin Ab Ghani atas segala ilmu penyelidikan yang telah diberikan. Hanya Allah SWT sahaja yang mampu memberi ganjaran kebaikan atas segala tunjuk ajar, bimbingan dan panduan yang telah diberikan selama tempoh penyelidikan kajian ini. Tidak dilupakan juga Prof Dr Hasan Al Banna Mohamed yang banyak memberi panduan tentang ilmu penulisan tesis kepada pengkaji. Moga Allah SWT juga yang memberi ganjaran pahala atas ilmu yang diberikan. Setinggi-tinggi ucapan penghargaan diberikan khusus untuk ayah dan mama Badlihisham Mohd Nasir dan Wardah Mohd Yasin atas ilmu, dorongan dan doa yang berterusan buat anak mu ini. Terima kasih juga buat suami Muhd Ikhwan Masri atas doa dan sokongan yang diberikan selama ini. Terima kasih buat seluruh ahli keluarga yang banyak memberi semangat untuk terus maju jaya. Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada pihak Pusat Pengajaran Siswazah dan Perpustakaan Jeneral Tun Ibrahim, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia yang telah memberikan kerjasama yang baik bagi pengkaji untuk menyiapkan kajian ini. Jutaan terima kasih ditujukan kepada semua kakitangan, mualaf dan Bahagian Pendidikan di PERKIM Kebangsaan, IDIP Kuala Lumpur dan para pakar yang terlibat sebagai informan dalam kajian ini atas segala

kerjasama yang diberikan. Moga Allah SWT memberi ganjaran pahala atas segala kebaikan yang diberikan.

## **PERAKUAN PEMERIKSA**

Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Peperiksaan telah bermesyuarat pada 1 Mac 2024 untuk menjalankan pemeriksaan akhir bagi **Nur Shafiqah Binti Badlihisham** dalam tesisnya bertajuk **Pengurusan Bimbingan Akidah Bagi Kanak-Kanak Mualaf: Kajian Kes Di Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia Kebangsaan**. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Sarjana Sains (Pengurusan Sumber).

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Prof Dr Zailin Zainal Ariffin**

Fakulti Pengajian & Pengurusan Pertahanan  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia  
(Pengerusi)

**Prof. Madya Dr. Mohd Hamran Bin Mohamad**

Fakulti Pengajian & Pengurusan Pertahanan  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia  
(Pemeriksa Dalaman)

**Dr. Suhailiza Md. Hamdani**

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan  
Universiti Sains Islam Malaysia  
(Pemeriksa Luar)

## **PERAKUAN PENYELIA**

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat untuk ijazah **Sarjana Sains (Pengurusan Sumber)**. Ahli jawatankuasa penyelia adalah seperti berikut.

**Dr Redwan bin Yasin**

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia  
(Penyelia Utama)

**Prof Sayuti bin Ab Ghani**

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia  
(Penyelia Bersama)

# UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

## PERAKUAN TESIS

Nama : Nur Shafiqah Binti Badlihisham

Tarikh Lahir : 2 Julai 1997

Tajuk : Pengurusan Bimbingan Akidah Bagi Kanak-Kanak Mualaf: Kajian Kes Di Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia Kebangsaan.

Sesi Akademik: 2024/2025

Dengan ini mengaku bahawa karya dalam tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang telah diakui dengan sewajarnya.

Saya mengaku bahawa tesis ini dikelaskan sebagai:

- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit mengikut Akta Rahsia 1972)\*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang dispesifikasikan oleh organisasi kajian)\*
- TERBUKA** Bersetuju bahawa tesis ini keseluruhannya diterbitkan secara terbuka dan di atas talian

Saya maklum bahawa pihak Universiti Pertahanan Nasional Malaysia mempunyai hak-hak seperti berikut:

1. Tesis ini merupakan hak milik Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia berhak untuk membuat salinan bagi tujuan penyelidikan sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia berhak untuk membuat salinan bagi tujuan perkongsian akademik.

---

Tandatangan Pelajar

---

970702-87-5088

---

Tandatangan Penyelia

---

Dr Redwan bin Yasin

Tarikh:

**NOTA:** Sekiranya tesis ini diklasifikasikan sebagai **SULIT** atau **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada organisasi kajian yang menyatakan tempoh masa dan sebab diklasifikasikan sebagai sulit atau terhad.

## ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
<b>ABSTRAK</b>	ii
<b>ABSTRACT</b>	iv
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PERAKUAN PEMERIKSA</b>	vii
<b>PERAKUAN PENYELIA</b>	viii
<b>PERAKUAN TESIS</b>	ix
<b>ISI KANDUNGAN</b>	x
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI TRANSLITERASI</b>	xv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvii
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	1
<b>1.1 Pendahuluan</b>	1
<b>1.2 Latar Belakang Kajian</b>	4
<b>1.3 Penyataan Masalah</b>	7
<b>1.4 Persoalan Kajian</b>	17
<b>1.5 Objektif Kajian</b>	18
<b>1.6 Kepentingan Kajian</b>	18
<b>1.7 Kerangka Kajian</b>	19
<b>1.8 Sumbangan Praktikal Kajian</b>	21
<b>1.9 Skop Kajian</b>	21
<b>BAB 2 PENGURUSAN BIMBINGAN MENURUT ISLAM</b>	23
<b>2.1 Pendahuluan</b>	23
<b>2.2 Konsep Pengurusan Menurut Islam</b>	25
<b>2.2.1 Prinsip Pengurusan Tawhidi</b>	29
<b>2.2.2 Prinsip Pengurusan Amanah &amp; Akauntabiliti</b>	32
<b>2.2.3 Prinsip Pengurusan Itqan dan Istiqamah</b>	35
<b>2.2.4 Prinsip Pengurusan Amar Ma'ruf Nahi Munkar</b>	37
<b>2.2.5 Prinsip Pengurusan Keadilan</b>	40
<b>2.2.6 Prinsip Pengurusan Berdasarkan Syura</b>	42
<b>2.2.7 Prinsip Pengurusan Sabar</b>	43
<b>2.3 Konsep Pengurusan Bimbingan dalam Islam</b>	45
<b>2.3.1 Aspek Penting dalam Pengurusan Bimbingan Menurut Islam</b>	46
<b>2.3.1.1 Perancangan</b>	46
<b>2.3.1.2 Perjawatan</b>	48
<b>2.3.1.3 Pemantauan dan Pengawasan</b>	49
<b>2.3.2 Matlamat Pengurusan Bimbingan Menurut Islam</b>	52

2.3.3 Peranan Guru dalam Menjayakan Pengurusan Bimbingan di Pusat Bimbingan	53
<b>2.4 Sorotan Kajian</b>	<b>55</b>
2.4.1 Pendahuluan	55
2.4.2 Konsep Pengurusan Bimbingan Menurut Perspektif Islam	55
2.4.3 Konsep Bimbingan Akidah terhadap Kanak-kanak Mualaf Menurut Islam	60
2.4.4 Pengurusan Program Bimbingan Akidah Sedia Ada bagi Kanak-kanak Mualaf di PERKIM	76
<b>BAB 3 KONSEP BIMBINGAN AKIDAH ISLAMIAH UNTUK KANAK-KANAK MUALAF MENURUT AL QURAN DAN AS-SUNNAH</b>	<b>95</b>
<b>3.1 Istilah Kanak-kanak Mualaf</b>	<b>95</b>
3.1.1 Kanak- kanak Menurut Perspektif Islam	95
3.1.2 Pendapat Ulama' Muktabar Tentang Had Umur Kanak-kanak.	97
3.1.3 Pendapat Undang-Undang Antarabangsa dan Malaysia tentang Had Umur Kanak-Kanak.	103
3.1.4 Istilah Mualaf	104
3.1.5 Kesimpulan Cadangan Penentuan Status Kanak-Kanak Mualaf	107
<b>3.2 Konsep Bimbingan Akidah Islamiah untuk Kanak-kanak Menurut al-Quran dan As-Sunnah</b>	<b>108</b>
3.2.1 Pengisian Akidah Islam Terhadap Kanak-kanak	112
3.2.1.1 Kaedah Nasihat dan Bimbingan	113
3.2.1.2 Kaedah Hubungan	116
3.2.1.3 Kaedah Contoh Teladan	117
3.2.1.4 Kaedah Amaran dan Ancaman	124
3.2.1.5 Kaedah Denda dan Hukuman	125
3.2.1.6 Kaedah Komunikasi Bukan Lisan (Sentuhan, Bahasa Tubuh dan Hadiah)	126
3.2.1.7 Kaedah Adat Kebiasaan yang Baik	129
3.2.1.8 Kaedah Pemerhatian dan Pengawasan	132
3.2.2 Alat Bantu Mengajar yang diperlukan dalam Proses Bimbingan	135
<b>3.3 Kesimpulan</b>	<b>143</b>
<b>BAB 4 METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>145</b>
<b>4.1 Reka Bentuk Kajian</b>	<b>145</b>
4.1.1 Kajian Kualitatif	146
4.1.2 Rasional Menggunakan Kaedah Kualitatif	146
4.1.3 Kajian Kes	147
4.1.4 Rasional Menggunakan Kaedah Kajian Kes	148
<b>4.2 Kaedah Pengumpulan Data</b>	<b>148</b>
4.2.1 Kajian Kepustakaan	149

4.2.2 Temu bual mendalam separa berstruktur	151
4.2.3 Pemerhatian	152
<b>4.3 Prosedur Penganalisisan Data</b>	<b>154</b>
4.3.1 Analisis Kandungan	154
4.3.2 Sampel	157
<b>BAB 5 HASIL DAN DAPATAN KAJIAN: PERSPEKTIF INFORMAN TERHADAP PENGURUSAN BIMBINGAN AKIDAH BAGI KANAK-KANAK MUALAF DI PERKIM KEBANGSAAN</b>	<b>159</b>
<b>5.1 Pendahuluan</b>	<b>159</b>
<b>5.2 Latar Belakang Kajian</b>	<b>160</b>
5.2.1 Informan	160
5.2.2 Lokasi	163
5.2.3 Etika Temu Bual	164
5.2.4 Soalan Temu Bual	164
5.2.5 Analisis	165
Persoalan Kajian I:	167
Persoalan Kajian II:	183
Persoalan Kajian III:	200
<b>BAB 6 PENUTUP</b>	<b>262</b>
<b>6.1 Pengenalan</b>	<b>262</b>
<b>6.2 Perbincangan Dapatan Kajian</b>	<b>263</b>
<b>6.3 Rumusan Kajian &amp; Cadangan Model Pengurusan Bimbingan Islam bagi Kanak-Kanak Mualaf</b>	<b>282</b>
<b>6.4 Cadangan Kajian Lanjutan</b>	<b>285</b>
<b>6.5 Kesimpulan</b>	<b>285</b>
<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>287</b>
<b>LAMPIRAN A : BORANG PERSETUJUAN TEMU BUAL</b>	<b>305</b>
<b>LAMPIRAN B : INVENTORI PROTOKOL TEMU BUAL</b>	<b>307</b>
<b>LAMPIRAN C : DATA (GAMBAR) PEMERHATIAN</b>	<b>314</b>
<b>LAMPIRAN D: SENARAI SEMAK PEMERHATIAN</b>	<b>316</b>
<b>LAMPIRAN E : JADUAL KELAS PENGAJIAN HARIAN</b>	<b>318</b>
<b>LAMPIRAN F : BORANG PENILAIAN PRESTASI PENGAJAR OLEH PERKIM</b>	<b>319</b>
<b>LAMPIRAN G : BORANG PENILAIAN PELAJAR TERHADAP PENGAJAR</b>	<b>320</b>
<b>LAMPIRAN H: LAMAN WEB RASMI PERKIM KEBANGSAAN</b>	<b>321</b>
<b>LAMPIRAN I: MAKLUMAT PAKAR DAN BIDANG KEPAKARAN</b>	<b>322</b>
<b>BIODATA PELAJAR</b>	<b>323</b>
<b>SENARAI TERBITAN KAJIAN</b>	<b>324</b>

## **SENARAI JADUAL**

<b>NO. JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Jadual 5.1: Jadual Maklumat Infoman		160

## **SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH.</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Rajah 1.1: Kerangka Konseptual Kajian		19
Rajah 5.1: Konsep Pengurusan Bimbingan Menurut Islam		181
Rajah 5.2: Konsep Bimbingan bagi Mengukuhkan Akidah Islam Kanak - Kanak Mualaf Menurut Perspektif Islam		198
Rajah 5.3: Pengurusan Program Bimbingan Akidah Sedia Ada untuk Kanak-Kanak Mualaf di PERKIM Kebangsaan		260
Rajah 6.1 Cadangan Model Konsep Pengurusan Bimbingan Islam bagi Kanak-Kanak Mualaf Berdasarkan Konsep Pengurusan Bimbingan Islam		283

## SENARAI TRANSLITERASI

<b>Asal</b>	<b>Transliterasi</b>
خلفاء الراشدين	- Khulafa'ar Rasyidin
فرض كفاية	- Fardhu Kifayah
توحيدی	- Tawhidi
تواضع	- Tawadhu'
عجب	- Ujub
قضاء	- Qada'
قدر	- Qadar
القوى	- Al-Qawiy
الأمين	- Al-Amin
سياسة شرعية	- Siasah Syar'iyyah
عدالة	- 'Adalah
اتقان	- Itqan
استقامة	- Istiqamah
أمر بالمعروف ونهي عن المنكر	- Amar Ma'ruf Nahi Munkar
شورى	- Syura
الاستشارة	- Al-Istisyarah
تعليم	- Ta'lim
تآدیب	- Ta'dib
تربيّة	- Tarbiyyah
ولد	- Walad
أولاد	- Aulad
ولدان	- Wildan
ذرية	- Dhurriyyah
أبناء	- Abna'
بنيّة	- Bunayya
بنين	- Banin
بني	- Baniy
صبي	- Sabiy
طفل	- Tifl
أطفال	- Atfal
مميز	- Mumaiyiz
بالغ	- Baligh
الرشد	- Al-Rusyd
رياضة	- Riyadhhoh
أصول الدعوة	- Usul Al-Da'wah
مناهج الدعوة	- Manahij Al-Da'wah
أساليب الدعوة	- Asalib Al-Da'wah
وسائل الدعوة	- Wasail Al-Da'wah
مشكلات الدعوة	- Masyakil Al-Da'wah

## **SENARAI SINGKATAN**

ABM	-	Alat Bantu Mengajar
ICT	-	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
IDIP KL	-	International Da'wah Institute PERKIM Kuala Lumpur
MAMPU	-	Majlis Permuafakatan Kelab PERKIM Universiti
NGO	-	Pertubuhan Bukan Kerajaan
PERKIM	-	Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia
SAW	-	Sallahu 'alaihi wasallam
SWT	-	Subhanahu wa ta ala

## **SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Lampiran A : Borang Persetujuan Temu Bual		304
Lampiran B : Inventori Protokol Temu Bual		306
Lampiran C : Data (Gambar) Pemerhatian		313
Lampiran D : Senarai Semak Pemerhatian		315
Lampiran E : Jadual Kelas Pengajian Harian PERKIM 2023-2024		317
Lampiran F : Borang Penilaian Prestasi Pengajar oleh PERKIM		318
Lampiran G : Borang Penilaian Pelajar terhadap Pengajar		319
Lampiran H : Laman Web Rasmi PERKIM Kebangsaan		320
Lampiran I : Maklumat Pakar dan Bidang Kepakaran		321

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Pengurusan merupakan kata terbitan dari perkataan akar urus. Mengurus bermaksud mengendalikan sesuatu supaya teratur (Kamus Dewan Edisi Keempat). Perkataan bimbingan dalam Bahasa Melayu ialah kata nama terbitan daripada kata akar bimbing yang membawa maksud perbuatan membimbing seperti memberi petunjuk, huraian, pimpinan dan sebagainya (Kamus Dewan Edisi Keempat). Perkataan bimbingan juga bersinonim dengan ajaran, latihan, tarbiah, pelajaran, pendidikan, asuhan dan tunjuk ajar (Zakaria Stapa et. al, 2012). Di dalam Kamus Oxford Fajar (2000: 2158), pendidikan pula ialah sesuatu yang melibatkan perihal melatih dan mengajar ilmu pengetahuan. Di dalam bahasa Arab perkataan pendidikan atau bimbingan disebut sebagai ‘ta’dib, ta’lim dan tarbiyyah yang memberi maksud aspek pendidikan yang lebih menyeluruh (Ibn Manzur, 1996).

Perkataan akidah pula dalam kamus *Qaamuusul Muhiith* dan *al Mu’jamul Wasiith* berasal dari kata dasar “*al-Aqdu*” yang memberi makna ikatan, ketetapan yang tidak ada keraguan pada orang yang mengambil keputusan (Mohammad Mujid

Al Deen Al Firozabadi, 1352) & (Ibrahim Mustafa, 1960). Adapun dari sudut syarak ialah sesuatu yang pasti iaitu yang benar bukannya yang batil. Dalam pada itu, *Kitab Mu'jam Maqayis al-Lughah* menyatakan bahawa akidah ialah satu ikatan atau simpulan yang diikat dengan kuat dan rapi (Ahmad Ibn Faris, 1985). Dengan itu, apabila akidah dipadankan dengan Islam, hal ini akan memberi makna satu bentuk kepercayaan dan keimanan yang perlu dipegang sekuat-kuatnya di dalam jiwa dan tidak mudah tergugat walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran. Di samping itu, pemahaman terhadap maksud iman juga pada umumnya difahami dengan maksud yang sama.

Umat Islam yang tidak mempunyai asas akidah yang kukuh akan mudah sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Apabila akidah seseorang itu lemah maka, dia mudah dipengaruhi dengan gaya hidup negatif dan merosakkan. Bahkan, kelemahan pegangan akidah dalam diri seseorang akan menyebabkan dia akan menjadi anggota masyarakat yang tamak kerana cinta akan dunia, pengecut kerana takut akan manusia, liar kerana tiada pegangan, tidak jujur kerana tidak mengenal dosa dan membawa pelbagai lagi masalah yang merugikan pelbagai pihak (Ginanjar, M. H., & Kurniawati, N., 2017).

Perkataan mualaf pula bermaksud orang yang baru memeluk Islam atau saudara baharu (Kamus Dewan, 2010). Dalam *Lisan al-Arab* karangan Ibn Manzur (1996), perkataan mualaf diambil daripada akar kata *al-lafa* yang memberi maksud menghimpunkan sesuatu dengan sesuatu atau menyatukan sesuatu dengan sesuatu. Melihat dari sudut istilah pula, perkataan mualaf adalah merujuk kepada perkataan di dalam ayat 60 surah al-Taubah yang dikenali sebagai ayat al Sadaqat. ﴿وَالْمُؤْلَفَةُ قَلُوبُهُم﴾

Maka, mualaf ditakrifkan sebagai orang baru memeluk Islam dan mereka berhak menerima pembahagian zakat (Al- ‘Aitah, t.th.).

Definisi Kanak-kanak pula seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 2 Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611), ialah seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun. Hal ini juga selari dengan peruntukan Undang - undang Antarabangsa iaitu Artikel 1 Konvensyen Hak Kanak-Kanak 1989, kanak-kanak ialah mereka yang berumur 18 tahun ke bawah kecuali jika undang-undang yang terpakai ke atas kanak-kanak tersebut menyatakan umur majoriti ialah lebih awal daripada itu. Peruntukan ini juga selari dengan enakmen di negeri Selangor, Kedah dan Terengganu. Manakala, dalam perspektif Islam, takrif kanak-kanak banyak dihubungkan dengan keadaan aqil balighnya. Kanak-kanak masih dianggap kanak-kanak jika belum baligh. Terdapat dua kaedah bagi menetapkan sama ada kanak-kanak itu sudah baligh atau tidak, iaitu: i) baligh secara *tabi'i*, dan ii) baligh dengan umur. Penentuan baligh secara *tabi'i* bermaksud penentuan berdasarkan tanda-tanda fizikal. (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan tentang Umur Baligh Menurut 4 Mazhab dan Had Umur Yatim, 2018). Fokus had umur kanak-kanak dalam kajian ini adalah 18 tahun ke bawah setelah mengambil kira pandangan para ulama' dan undang undang di peringkat antarabangsa dan Malaysia.

Dalam konteks kanak-kanak mualaf dan hubungannya dengan akidah pula, iaanya bermula ketika mereka mengucap dua kalimah shahadah. Seksyen 95 Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505) menyatakan seseorang yang tidak beragama Islam itu boleh memeluk Islam ketika sudah mencapai umur 18 tahun. Jika belum mencapai umur 18 tahun, maka keizinan

dari pada ibu atau bapa atau penjaganya adalah diwajibkan. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) merupakan pertubuhan yang bergiat aktif dalam bidang kebajikan dan dakwah kepada orang Islam dan bukan Islam di Malaysia.

PERKIM ditubuhkan oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj pada 20 Ogos 1960. Tunku Abdul Rahman telah dilantik sebagai penasihat pada tahun 1960 sehingga tahun 1971. Tunku juga dipilih sebagai Presiden sehingga tahun 1989. PERKIM turut bergerak aktif di peringkat negeri yang mana pertubuhannya dikenali sebagai PERKIM Bahagian. Kini terdapat 13 buah bahagian di seluruh negara kecuali Sabah. Pengurusan PERKIM Bahagian diketuai oleh Pengerusi PERKIM Bahagian yang dilantik dalam Mesyuarat Agung PERKIM Bahagian. Urusetia PERKIM Kebangsaan menyalurkan peruntukan untuk pengajian kakitangan dan juga untuk beberapa aktiviti tertentu di peringkat PERKIM Bahagian. Terdapat entiti cawangan di setiap daerah yang dikenali sebagai PERKIM Cawangan. Cawangan bertanggungjawab melaporkan segala gerak kerja kepada PERKIM Bahagian bagi memastikan ianya selari dengan dasar PERKIM Kebangsaan.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Terdapat banyak ancaman yang memberi kesan terhadap kesejahteraan akidah mualaf termasuk golongan kanak-kanak mualaf ini. Hal ini disokong oleh satu kajian yang telah dilakukan oleh Suariza et al. (2018) di Selangor berdasarkan perspektif keskes permohonan murtad menyatakan bahawa kebanyakan golongan mualaf kembali menganut agama asal mereka kerana tahap kebergantungan mualaf yang tinggi terhadap keluarga asal mereka yang bukan Muslim. Hal ini demikian kerana, golongan

mualaf ini telah dipulaukan oleh keluarga asal mereka kerana telah memeluk Islam. Mualaf yang memohon untuk murtad ini biasanya masih di bawah tanggungjawab ibu bapa dan mereka amat bergantung dengan kedua-duanya terutamanya dalam aspek kewangan (Suariza et al., 2018).

Selain itu, faktor tidak mendapat bimbingan agama Islam setelah memeluk Islam juga menyebabkan mualaf keluar daripada Islam. Sememangnya tahap bimbingan dan pengetahuan tentang agama Islam mempunyai hubung kait yang signifikan untuk mencetuskan kecenderungan gejala murtad. Kegagalan memahami agama Islam menyebabkan golongan mualaf ini mudah salah faham berkaitan isu-isu kebebasan, penindasan wanita, jumud dan sebagainya sehingga mendorong mereka membuat keputusan untuk kembali kepada agama asal (Ahmad Yunus et al., 2017).

Kebanyakan kanak-kanak mualaf ini juga berdepan masalah untuk memahami ajaran Islam kerana ibu-bapa mereka tidak memberikan pendidikan agama yang sebaiknya kerana kebiasaan ibu bapa mereka sendiri masih kurang pengetahuan agamanya lantaran baru memeluk Islam atau kanak-kanak mualaf tersebut tinggal dengan keluarga bukan Islam. Sekiranya mereka tidak dapat melaksanakan tugas tersebut, maka pihak kerajaan wajib mengambil peranan untuk memelihara, menanggung nafkah dan mendidik anak tersebut dengan didikan agama (Abdullah Nasih ‘Ulwan, 1998).

Menurut Ahmad Yunus, Samsuddin & Misnan. (2017), antara punca mualaf murtad ialah kerana mereka diasuh oleh keluarga bukan Islam yang tidak mendidik mereka dengan ajaran Islam. Hal ini menyebabkan mereka sekadar Islam pada nama

tetapi hakikatnya mereka mengamalkan ajaran agama asal dalam kehidupan sehari-hari mereka. Justeru, terdapat keperluan bagi mengkaji konsep pengurusan bimbingan menurut Islam bagi mengenal pasti kaedah Islam yang tepat dalam perkara ini.

Seterusnya, kajian ini juga akan mengkaji konsep bimbingan akidah terhadap golongan kanak-kanak mualaf menurut al-Quran dan As-Sunnah bagi melihat apakah panduan Islam tentang perkara ini. Menurut Abdul Jalil et al., (2017), pendidikan ialah proses untuk membangunkan aspek intelektual, emosi dan rohani manusia dengan ilmu pengetahuan yang bermatlamat untuk menanam ketakwaan kepada Allah SWT. Proses ini melibatkan pembangunan ilmu pengetahuan yang berpandukan al-Quran dan Sunnah. Tambahan lagi, Agustina (2018) menyatakan bahawa umur yang paling bagus untuk membentuk akhlak dan kebiasaan yang baik kepada anak adalah ketika mereka berumur 7 hingga 12 tahun. Sesungguhnya, pendidikan dalam Islam ialah satu proses mendidik dan melatih segenap kekuatan yang tersedia dalam diri manusia dengan berlandaskan pada prinsip Islam yang bersepadu di mana akidah Islam merupakan dasarnya (Ismail & Jasmi, 2016).

Seterusnya, kajian ini juga akan mengkaji tentang pengurusan bimbingan akidah kanak-kanak Mualaf ini di PERKIM yang merupakan sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dakwah di Malaysia yang aktif dan menonjol dalam melaksanakan aktiviti, kelas dan dakwah berteraskan kebajikan kepada semua kaum tanpa mengira agama dan bangsa. PERKIM juga giat untuk membantu saudara-saudara Islam supaya mendapat bimbingan dan tunjuk ajar yang betul dan dapat memahami ajaran Islam dengan lebih mendalam. Dalam misi kebajikan berkaitan kanak-kanak secara langsung pula, PERKIM telah menujuhkan Tasputra PERKIM iaitu satu

pusat penjagaan Islam yang pertama di Malaysia yang menjaga kanak-kanak istimewa (OKU) daripada pelbagai kaum dan golongan yang kurang berkemampuan. Perkhidmatan pertolongan dan latihan kepada kanak-kanak di antara 2 hingga 10 tahun turut disediakan. Selain itu, PERKIM turut menubuhkan Asrama Darul Aitam Wal Masakin Tunku Abdul Rahman Putra (DATAR) dan Asrama Darul Falah (ASDAF) bagi menjaga kebajikan kanak-kanak (PERKIM, 2022).

Akhirnya, kajian ini akan mencadangkan beberapa penambahbaikan bagi memastikan pengurusan bimbingan akidah terhadap golongan ini dapat dilaksanakan dengan lebih efektif. Hasil kajian ini juga akan mengambil kira keperluan mencadangkan satu kerangka asas yang lengkap seperti modul bagi memperkuuh akidah khusus untuk kanak-kanak Mualaf ini yang berdepan dengan pelbagai ancaman akidah pada masa ini.

### **1.3 Penyataan Masalah**

Terdapat pelbagai isu yang mencabar kesejahteraan akidah dalam kalangan kanak-kanak mualaf dewasa ini. Antara isu tersebut ialah trend mualaf murtad. Sekiranya diteliti laporan kes permohonan keluar Islam di dalam jurnal undang-undang sama ada di Mahkamah Sivil ataupun di Mahkamah Syariah, majoritinya difaiklan oleh golongan mualaf yang antara puncanya ialah tiada bimbingan mengenai ajaran Islam kepada mereka (Ahmad Yunus et al., 2017) & (Suariza et al., 2018). Berdasarkan statistik dari Jabatan Perdana Menteri, Mahkamah Syariah menerima 863 kes permohonan untuk menukar status agama Islam dari tahun 2000 hingga 2010 (Tajul Ariffin, 2013). Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) pula melaporkan jumlah